

BAHAN KECEMERLANGAN 2016

PENTAKSIRAN UPSR

BK 11

**BM PEMAHAMAN
SK**

NAMA :

TAHUN :

DIGUBAL OLEH GURU AKRAM TERENGGANU
&
DIBIYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 13

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pembonceng itu dikejarkan ke hospital oleh _____ kerana _____
cedera parah.
- | | |
|-------------------|-------------------|
| A saya dia | B dia awak |
| C mereka..... dia | D kami.... mereka |
- 2 Bayi perempuan yang _____ itu ialah cucu sulung Datuk Shukri.
- | | |
|----------|----------|
| A cantik | B comel |
| C tampan | D jelita |
- 3 Kakak menuang teh yang panas itu ke dalam beberapa biji _____ untuk
dihidangkan kepada tetamu.
- | | |
|-----------|---------|
| A cangkir | B jag |
| C cerek | D gelas |

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Titi kayu dibina _____ longkang yang besar itu untuk kemudahan orang ramai.
- | | |
|----------------|--------------|
| A menyeberangi | B menyusuri |
| C melalui | D merentangi |
- 5 Abang akan menyambung pengajian ke luar negara pada minggu hadapan untuk
_____ pengetahuan.
- | | |
|--------------------|-----------------|
| A memperkembang | B mengembangkan |
| C memperkembangkan | D mengembang |

- 14 Ayah menghampar dua bidang permaidani di tengah rumah untuk majlis pernikahan kakak.

Pilih perkataan berlawanan bagi menghampar

- | | | | |
|---|------------|---|------------|
| A | melipat | B | membentang |
| C | menggulung | D | menyisip |

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 15 A Tolong jangan merokok di kawasan sekolah.
B Aduhai, sakitnya gigiku yang berlubang ini!
C Serkap ayam daripada buluh dijual oleh beliau.
D David dan Wong telah tiba ke Ipoh pagi tadi.

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 16 I Tukang masak mengecap gulai yang dimasaknya sebelum dihidang.
II Datuk mengecap sekeping biskut ke dalam air kopi sebelum dimakan.
III Mak Temah baru mengecap bahagia setelah anak-anaknya bekerja.
IV Adik mengecap bibirnya apabila melihat ibu membawa ubat demam.
- | | | | |
|---|------------|---|-----------|
| A | I dan II | B | I dan III |
| C | III dan IV | D | II dan IV |

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku seekor ikan kelisa yang sangat comel. Sisikku berwarna kekuning-kuningan seperti emas, mataku besar dan bulat. Aku tinggal di dalam sebuah balang yang cantik di rumah tuanku yang besar.

Aku berasal dari sebatang anak sungai di Taman Negara. Aku telah ditangkap oleh seorang pemburu kelisa lalu dijual kepada tuanku dengan harga RM1000.00. Aku sangat kecewa ketika itu kerana terpaksa berpisah dengan rakan-rakanku yang bebas bermain di celah-celah batu di dalam air yang dingin.

Kini, aku sangat gembira bersama-sama tuanku kerana dia telah menjagaku dengan baik. Air di dalam balang tempat tinggalku sentiasa bersih. Aku juga sentiasa kenyang kerana mendapat makanan yang bermutu tinggi. Tuan aku sangat suka melihat aku berenang-renang kerana dapat menenangkan fikirannya yang sentiasa dibebankan dengan masalah pekerja di syarikatnya.

Kecantikan sisikku yang berkilau-kilauan membuatkan rakan-rakan tuanku terpegun. Rakan tuanku ada yang ingin membeliku dengan tawaran harga dua puluh kali ganda daripada harga asalku. Namun tuanku bukanlah mata duitan, dia benar-benar sayang akanku. Aku juga amat sayangkan tuanku dan hidupku gembira sekali.

- 17 Berdasarkan petikan di atas, aku sangat kecewa kerana
- A dijual dengan harga RM1000.
 - B terpaksa tinggal di dalam balang.
 - C terpaksa berpisah dengan ibu bapa tersayang.
 - D tidak bebas lagi bermain di celah-celah batu .
- 18 Harga yang ditawarkan oleh rakan-rakan tuan aku ialah
- | | | | |
|---|---------|---|---------|
| A | RM1000 | B | RM10000 |
| C | RM15000 | D | RM20000 |
- 19 Keistimewaan aku ialah
- | | | | |
|---|------------------------|---|--------------------------|
| A | mata kekuning-kuningan | B | sentiasa berangan-angan |
| C | tidak mengenang jasa | D | sisik seperti warna emas |
- 20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Tuan aku seorang tuan pengarah syarikat.
 - B Aku kenyang kerana mendapat makanan yang banyak.
 - C Tuan aku seorang yang mementingkan diri dan suka bermegah.
 - D Aku tinggal di dalam sebuah kolam yang cantik dan bersih.

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

kepada	di	dari	hingga
ke	pada	daripada	untuk

Hatiku berdegup kencang sebaik sahaja kedengaran Cikgu Hakimi menyebut nama Shahmie. Aku bingkas bangun lalu mengambil kertas putih yang tertera keputusan ujian _____ guru kelasku itu. Mataku segera melihat keputusan yang tercatat _____ kertas tersebut. Aku melonjak kegembiraan kerana aku telah berjaya mendapat 6A dalam ujian kali ini. Rakan sekelas mengucapkan tahniah _____ aku atas peningkatan prestasiku. Aku berazam akan berusaha lebih gigih lagi dan berharap dapat menjejakkan kaki _____ sekolah berasrama penuh.

[4 markah]

Soalan 22

- a. Tukar ayat aktif yang diberi kepada ayat pasif.

Ayat aktif:

Murid-murid Tahun Enam Arif melukis gambar bendera Malaysia pada kain putih.

Ayat pasif:

[2 markah]


b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.

Ambillah kuih yang mak cik buat ini dan makanlah bersama keluarga kamu, Athirah!



[2 markah]

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

SOALAN 23

Baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Hari ini aku menolong nenek mengait buah pinang. Sebenarnya aku tidak mengetahui apakah kelebihan buah pinang ini walaupun buah ini agak menarik warnanya. Menurut kata nenek, harga buah pinang sekarang agak mahal hampir RM30.00 sekilo berbanding dua dekad yang lalu harganya cuma beberapa ringgit sahaja.

Ketika duduk di pangkin, nenek mengambil sebiji buah pinang lalu membuang sabutnya. Selepas dibersihkan, nenek mengacip isi buah itu lalu diletakkan sekeping di atas sehelai daun sirih bersama secalit kapur dan secebis gambir. Daun sirih itu dilipat rapi lalu nenek mengunyahnya. Nenek kata isi buah pinang ini perlu dikeringkan dahulu agar rasanya tidak kelat.

Sambil mengunyah daun sirih itu, nenek bercerita. Pada zaman dahulu, para petani memakan sirih sewaktu berehat selepas penat bekerja di kebun. Sementara itu, di istana pula, para raja memakan sirih sebagai santapan waktu rehat. Namun begitu, buah pinang dan sirih semakin dilupakan.

Menurut kata nenek lagi, daun sirih serta kelengkapannya seperti pinang, gambir dan kapur disusun di tepak sirih dan dijadikan pembuka bicara sebelum memulakan sesuatu upacara atau semasa majlis merisik dan pertunangan. Aku hanya mengganggu sahaja kerana inilah pertama kali aku melihat buah pinang. Mungkin suatu hari aku akan mengkormesialkan buah pinang ini.


- a. Buah pinang adalah salah satu bahan pelengkap yang boleh dimakan bersama

[1 markah]

- b. Mengapakah harga buah pinang kini lebih mahal berbanding dua dekad yang lalu?

[2 markah]

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.



[2 markah]

Soalan 24

Baca laporan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

LAPORAN PROGRAM KERJAYA
SEKOLAH KEBANGSAAN SRI INTAN

Kelab Pembimbing Rakan Sebaya Sekolah Kebangsaan Sri Intan telah menganjurkan Program Kerjaya pada 12 Julai 2016. Program ini berlangsung di dewan sekolah.

Semua murid tahap satu dan tahap dua terlibat menjayakan program ini. Tuan Guru Besar, Tuan Haji Rafiq telah merasmikan program ini. Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana atas usaha gigih mereka menjayakan program ini dengan cemerlang sekali.

Program kerjaya ini diadakan bertujuan untuk membantu dan membimbing rakan-rakan yang lain supaya menjadi murid yang berjaya pada masa depan. Selain itu, diharapkan program ini dapat membina keyakinan murid agar terus cemerlang dalam pelajaran dan menjadi murid yang berdisiplin

Pada sebelah pagi, telah diadakan program "Kenali Idola Anda". Doktor Aleya Bt Elias telah dijemput untuk menceritakan tentang kerjayanya sebagai doktor pakar di Hospital Kuala Terengganu. Selain itu, guru cemerlang Negeri Terengganu, Puan Izzati Bt Fitri turut hadir ketika sesi soal jawab.

Pameran kerjaya turut diadakan. Pasukan bomba, tentera, polis serta usahawan muda telah terlibat mempamerkan peluang pembelajaran dan peluang kerjaya kepada semua murid. Murid-murid sungguh berminat dan berusaha mendapatkan maklumat tentang kerjaya yang menjadi cita-cita mereka.

Pada sebelah petang, murid-murid Tahap dua telah menulis karangan tentang cita-cita mereka. Pemenang tempat pertama hingga kelima mendapat hadiah berupa buku cerita dan sijil penyertaan kepada semua peserta. Saudari Adibah Bt Rusli telah diumumkan sebagai Tokoh Pemimpin Rakan Sebaya Sekolah Kebangsaan Sri Intan.

Laporan disediakan oleh,

30 JULAI 2016

Zulaikeh

(ZULAIKAH BT MUSA)

Setiausaha

Kelab Rakan Pembimbing

a. Laporan ini ditulis pada _____.

[1 markah]

b. Nyatakan tujuan program ini dilangsungkan?

[2 markah]

c. Siapakah tokoh yang terlibat dalam menjayakan program “Kenali Idola Anda”?

[2 markah]

d. Adakah anda bersetuju setiap murid perlu mempunyai cita-cita? Mengapa?

[3 markah]

Soalan 25

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terbang tinggi burung di angkasa,
Tajam kukunya Si Burung Helang;
Bacalah buku sepanjang masa,
Bertambah ilmu kehidupan cemerlang.

Harum sungguh bunga cempaka,
Mawar ditabur di atas dulang;
Tuntutlah ilmu janganlah leka,
Cerah masa depan kerjaya gemilang

Indahnya suasana di tepi tanjung,
Nikmati ais krim bersama megat
Orang berilmu pasti *disanjung*
Mendapat kepercayaan masyarakat sejagat

a. Perkataan *disanjung* dalam pantun di atas boleh digantikan dengan perkataan

[1 markah]

b. Mengapakah ilmu penting kepada kita?

[2 markah]

- c. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Orang yang suka membaca buku akan tajam akalnya.	
--	--

[1 markah]

Kita tidak boleh alpa dalam menuntut ilmu	
---	--

Orang berilmu pasti *disanjung*
Mendapat kepercayaan masyarakat sejagat

- d. Terangkan maksud pantun di atas.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT